

# Tiub bantal pecah ombak

Projek perintis PBHSB cegah hakisan pantai

METRO  
22/1

>>Oleh Noor Nastassia  
Mohamad Redza  
bisnes@hmetro.com.my

**P**ERWIRA Bintang Holdings Sdn Bhd (PBHSB), membelanjakan lebih RM3 juta untuk kajian dan penyelidikan (R&D) sistem tiub bantal bagi projek perintis dalam usaha pencegahan serta pengawalan hakisan pantai, tebus guna tanah pemuliharaan, pembiakan dan perlindungan hutan bakau.

Syarikat yang menggelar diri mereka sebagai 'Penyelamat Bumi' memulakan kajian sejak Februari sehingga Oktober tahun lalu dan kemudian memulakan pemasangan tiub bantal itu di kawasan seluas kira-kira 375,00 meter persegi di Sungai Besar, Selangor.



**TAN...projek pertama di Malaysia**

Matlamat utama sistem tiub bantal adalah untuk melindungi kawasan pantai berikutan jumlah jarak garis pantai yang terjejas akibat hakisan ialah 1,414.5 kilo-

meter (km) iaitu 30 peratus daripada keseluruhan jarak garis pantai sebenar sejauh 4,809 km di seluruh negara.

Projek berkenaan disokong Kerajaan Negeri Selangor yang memperuntukkan RM998,000 untuk tujuan pemasangan bahan tiub bantal pada peringkat pertama pembangunannya manakala selebihnya dibiayai oleh PBHSB.

Sebelum menjalankan projek, kerajaan negeri menggunakan kaedah batu-bata bagi mengelakkan hakisan, namun ia hanya bertahan sementara dan memerlukan belanja lebih tinggi.

Pengarah Projek Khas PBHSB, Datuk Tan Kar Meng, berkata ia adalah projek pertama di negara ini yang menggunakan sistem tiub bantal sebagai penahan



**BERKESAN...tiub bantal digunakan untuk memulihara kawasan pantai.**

ombak yang kuat bagi mengelakkan hakisan tanah dan pantai yang teruk.

"Projek ini berjaya membuktikan bahawa dengan sistem tiub bantal yang digunakan, ia dapat memecah alunan ombak ketika air pasang serta membolehkan air masuk secara perlahan di kawasan perlindungan.

"Teknik ini membolehkan pokok bakau jenis kurap dan minyak yang sudah pupus tumbuh semula manakala pokok yang sakit pula dapat dipulihkan," katanya kepada sekumpulan media yang melawat tapak projek di Sungai

Besar, baru-baru ini.

Beliau berkata, kos untuk memasang sistem tiub bantal adalah di antara RM3 juta dan RM6 juta setiap kilometer.

"Ketika air pasang, banyak spesies hidupan laut seperti ikan, udang, ketam serta siput datang ke kawasan bakau untuk mencari makanan dan ini menambah lagi mata pencarian nelayan di sekitar Sungai Besar yang selama ini bergantung sepenuhnya terhadap hidupan di laut dalam," katanya.

Difahamkan, setiap negara memerlukan sekurang-ku-

rangnya 400 meter zon kayu bakau bagi mengelakkan kejadian bencana alam seperti tsunami menjadi lebih teruk.

Tan berkata, dia melaksanakan projek itu kerana mahu memulihara kesan kerosakan sepanjang pantai Sungai Besar di samping perasaan cintakan alam sekitar.

"Saya mahu membantu negara memulihara hutan bakau dan berharap meminda teknologi yang sama di negara lain bagi mengelakkan hakisan tanah serta pokok bakau pupus," katanya.